



SUV Alaf Baharu Mitsubishi Outlander

> Lihat muka 32 & 33

Mitsubishi Outlander serba baharu tampil lebih garang



REKAAN lampu pada SUV ini menjadikan Outlander tampak moden.

JENTERA ini turut didatangkan dengan bumbung panorama.

APABILA membicarakan tentang SUV, ramai daripada kita yang beranggapan ia merupakan sebuah jentera empat roda yang hanya mempunyai tujuh tempat duduk semata-mata.

Cara pemikiran itu sebenarnya begitu dangkal, apatah lagi dengan perkembangan dalam industri automotif pada hari ini yang semakin berkembang dari hari ke hari.

Seiringan dengan perkembangan itu, Mitsubishi turut menerima tempiasnya yang mana ia berjaya diterjemahkan menerusi SUV keluaran mereka iaitu Outlander serba baharu yang sudah pun berada di pasaran Malaysia.

Bukan mahu 'mengangkat' Outlander, tetapi jentera itu jelas memiliki segala ciri moden yang menjadikan ia sebuah SUV yang berbaloi untuk dimiliki.

Penulis baru-baru ini berpeluang untuk memandu uji SUV berkenaan. Bermula dari Petaling Jaya, Selangor sehinggalah ke Johor Bahru, Johor, pelbagai jenis muka bumi yang berjaya membuktikan keupayaan jentera itu.

Namun, perlu diceritakan terlebih dulu adalah rupa Outlander tersebut yang kelihatan garang dan menarik berbanding model terdahulu.

Wajah Mitsubishi Outlander menggunakan tema *Dynamic Shield* yang memberi penekanan kepada aspek kegarangan dan keselamatan jentera melalui reka bentuk luarannya.

Daripada kemasan krom di sekeliling kereta sehinggalah lampu LED dengan *daytime running lights* (DRL) yang didatangkan bersama SUV itu, semuanya berjaya membangkitkan perasaan garang berkenaan ke atas Outlander.

Tidak kurang juga di bahagian dalam SUV itu, apabila ketujuh-tujuh tempat duduknya dibaluti dengan kulit.

Papan pemuka jentera berkenaan juga menggunakan reka bentuk terkini daripada Mitsubishi, sekali gus menjadikan ia tampak lebih moden dan bergaya. Ia juga dilengkapi dengan lampu dalam automatik dan teknologi *Rain Sensor*.

Ruang penyimpanan barangan Mitsubishi Outlander juga cukup luas apabila ia kini memiliki ruang sebanyak 1,608 liter, sekali gus membolehkan sehingga empat beg golf dimuatkan ke dalamnya apabila tempat duduk di barisan kedua dan ketiga dilipat.

Menambahkan kecanggihan SUV berkenaan adalah pintu kelimanya yang boleh ditutup secara automatik apabila suisnya ditekan.

Selain itu, pabila penulis menghidupkan enjin 2.4 liter DOHC Mitsubishi Innovative Valve timing Electronic Control (MIVEC) yang menggunakan pacuan empat roda itu, ternyata ia mesra alam apabila enjin tersebut tidak menghasilkan bunyi yang kuat.

Respons daripada enjinnya juga memuaskan hati penulis kerana apabila pedal minyak dipijak,

kuasa daripada enjin MIVEC tersebut terus sahaja menggerakkan jentera itu.

Bagaimanapun, penulis berharap respons daripada enjin itu dapat dipertingkatkan oleh Mitsubishi agar SUV tersebut mampu bergerak dengan lebih pantas dalam tempoh yang singkat.

Kuasa yang dihasilkan pula tidaklah menghampakan apabila ia mampu menjana kuasa, sehingga 167PS dan tork maksimum sebanyak 222Nm.

Biarpun tubuhnya berasa agak ringan ketika dipandu, ia tidak bermakna Outlander sukar untuk dikawal. Pulas sahaja stereng ke mana-mana arah yang dimahukan, SUV itu tidak mempunyai masalah untuk menuruti kehendak anda.

SUV berkenaan didatangkan dengan tiga mod pemanduan tersendiri iaitu 4WD Eco, 4WD Auto dan 4WD Lock.

Seperti jentera moden masa kini, Mitsubishi Outlander turut didatangkan dengan teknologi keselamatan terkini, antaranya *Active Stability Control* (ASC), *Traction Control*, *Anti-lock Braking System* (ABS), *Elektronik Brakeforce Distribution* (EBD) dan tujuh beg udara.

Mitsubishi Outlander didatangkan dengan tiga pilihan warna iaitu *Red Metallic* (merah), *White Pearl* (putih) dan *Grey Metallic* (kelabu).

Ia yang kini boleh ditempah oleh orang ramai dijual pada harga RM166,720 di Semenanjung Malaysia dan RM168,488.40 di Sabah dan Sarawak.

Tidak dapat dinafikan, Mitsubishi Outlander tetap mempunyai kelebihan yang tersendiri berbanding jenama pesaing.

Bagi penulis, kehadiran jentera itu ke pasaran tempatan berjaya memeriahkan lagi industri pemotoran tempatan, sekali gus memberi lebih banyak pilihan kepada pengguna.

Untuk maklumat lanjut, anda boleh melayari laman web www.mitsubishi-motors.com.my.

FOKUS



RUANG hadapan Mitsubishi Outlander kelihatan bergaya dan moden.




RUANG penyimpanan barangan Mitsubishi Outlander baharu mencapai 1,608 liter apabila tempat duduk kedua dan ketiga dilipat.



SKRIN infotainment Mitsubishi Outlander mudah untuk digunakan.



MITSUBISHI Outlander dipadankan dengan transmisi CVT.



SUV ini dipasangkan dengan rim aloi dengan dua tona warna.



KUASA yang dihasilkan oleh enjin MIVEC cukup berkuasa.



MITSUBISHI Outlander menarik untuk dipandang dari belakang.



RUPA garang Mitsubishi Outlander baharu dapat dilihat dengan jelas melalui tubuhnya yang dilasi kemasan krom.